



# TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA (DR.) HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM

## Permata Negeri Melaka

**B**AGAI SIRIH PULANG KE GAGANG, PELANTIKAN TUAN YANG TERUTAMA (TYT) TUN SERI SETIA (DR.) HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM SEBAGAI YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA KETUJUH PADA 5 JUN 2020 YANG LALU, DIIBARATKAN SEBAGAI “KEPULANGAN SEMULA” DAN MENJADI KHABAR GEMBIRA BAGI SELURUH MASYARAKAT, KHUSUSNYA RAKYAT MELAKA.

MASAKAN TIDAK, TYT TUN MOHD ALI, YANG MERUPAKAN ANAK JATI BUKIT KATIL, MENCATAT SEJARAH SEBAGAI ANAK JATI MELAKA PERTAMA YANG MENDAPAT PERKENAN YANG DI-PERTUAN AGONG, SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH MENGURNIAKAN WATIKAH SEBAGAI YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA. SIDANG EDITORIAL *DEWAN BUDAYA* BERKESEMPATAN MENGADAKAN WAWANCARA EKSKLUSIF BERSAMA-SAMA TYT TUN MOHD ALI UNTUK BERKONGSI PERASAAN, PENGALAMAN DAN HARAPAN BELIAU TERHADAP PEMBANGUNAN BUDAYA DAN WARISAN DI MELAKA, SETERUSNYA MENJADIKAN NEGERI BERSEJARAH ITU TERUS GAH DI MATA DUNIA.

**TYT Tun melakar sejarah sebagai anak jati Melaka pertama yang diangkat kedudukan tertinggi sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka. Jadi, boleh TYT Tun berkongsi perasaan apabila dilantik menjadi Yang di-Pertua Negeri Melaka?**

Yang pertamanya, saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dilantik menjadi Yang di-Pertua Negeri Melaka yang ketujuh oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, dengan sokongan kerajaan negeri, khususnya Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md. Ali dan semua rakan yang lain. Mudah-mudahan saya dapat memberikan sumbangan kepada negeri Melaka, seperti mana Gabenor Melaka yang terdahulu, termasuklah Yang di-Pertua Negeri Melaka yang keenam, Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil Yaakob. Saya cuba melakukan yang terbaik untuk masa depan negeri Melaka supaya terus bertambah bahagia, aman dan damai serta makmur. *Insya-Allah.*

**Melaka, walaupun sebuah negeri yang kecil, berjaya menjadi sebuah negeri yang maju dan pesat**

**membangun pada era kepimpinan TYT Tun yang lalu. Apakah hasrat TYT Tun bersama-sama Ketua Menteri Melaka untuk memastikan Melaka terus gemilang di mata dunia?**

Harapan saya agar negeri Melaka terus bertambah aman dan makmur, rakyatnya hidup bersatu padu dan bahagia, serta dapat menjadi negeri yang tersohor, bukan sahaja di Malaysia, bahkan pada peringkat antarabangsa. Saya percaya di bawah kepimpinan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md. Ali, saya yakin masa depan Melaka akan terus bertambah maju, seperti mana yang diidamkan oleh rakyat Melaka.

**Dari segi pemerkasaan adat, budaya dan warisan, terdapat segelintir golongan muda menganggap bahawa sejarah, adat, warisan dan budaya semakin hilang nilainya, terutamanya dari sudut ekonomi dan nilai komersial, berbanding dengan hal-hal bersifat digital dan teknologi. Pada pandangan TYT Tun, bagaimanakah mahu mengatasi persepsi ini, sekali gus merealisasikan hasrat pemerkasaan adat, budaya dan warisan?**

Sebagai sebuah negeri yang bermulanya sejarah Malaysia,

warga Melaka sepatutnya berasa bangga kerana Melaka merupakan negeri penjaga warisan negara. Dalam hal ini, saya yakin dengan dasar Kerajaan Negeri Melaka yang disokong oleh Kerajaan Persekutuan untuk terus memartabatkan budaya negara dan terus berkembang di Melaka. Golongan muda seharusnya terus digalakkan dan diberikan motivasi oleh pihak kerajaan dan pertubuhan budaya agar warisan kebudayaan terus berkembang.

Mungkin kadang-kadang masyarakat keliru dan menganggap budaya itu hanya meliputi hal-hal tradisional sahaja, seperti tarian dan makanan, tetapi sebenarnya budaya itu merupakan cara hidup, seperti budi bahasa, sopan santun, menghormati orang tua, dan menghargai negara. Bahkan jikalau dilihat budaya hidup di Melaka, masyarakatnya cukup terkenal sebagai orang yang beradat, berilmu, berdagang, dan beragama. Hal ini merupakan budaya kita dan perlu difahami. Maka itu, jikalau kita maju dari sudut sains dan teknologi, hal ini turut menjadi kebudayaan kita. Dahulunya, Melaka sememangnya hebat dalam bidang teknologi dan digeruni oleh musuh, sehingga Barat sanggup

datang ke sini walaupun jauh ribuan batu dan menjadi rebutan bagi kuasa besar. Jadi, kegemilangan ini perlu dihayati oleh masyarakat Melaka, seterusnya mengembalikan semula kegemilangan itu dari sudut budaya, cara hidup, termasuklah sains dan teknologi, yang dahulunya kita kuasai.

**Jikalau disentuh tentang aspek penggunaan bahasa kebangsaan, sejauh manakah TYT Tun melihat rakyat Malaysia berusaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan?**

Saya berpandangan bahawa kita masih mempunyai kekeliruan dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan. Kadangkang kita fikir jikalau tidak mencampurkan bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu apabila berkomunikasi, kita tidak dipandang hebat. Hal ini menjadikan penggunaan bahasa Melayu cacamarba dan tidak sempurna. Kini, kebanyakan rakyat Malaysia masih tidak mahir berbahasa Melayu. Bahkan, terdapat sesetengah negara yang mempunyai banyak orang Melayu, sudah menggunakan bahasa Inggeris dalam kehidupan harian, termasuklah ketika khutbah Jumaat.

Saya berkesempatan mengunjungi beberapa buah negara yang sewajarnya menggunakan bahasa Melayu ketika khutbah Jumaat, tetapi mereka menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Keadaan ini juga menyebabkan kita akhirnya hilang jati diri dan yang amat menyedihkan apabila orang Melayu tidak berupaya berbahasa Melayu dengan baik. Di sesetengah negara yang pernah saya kunjungi, penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan golongan tua cukup baik

dan mereka gemar berpantun. Namun begitu, generasi tersebut semakin kurang, seperti mana yang berlaku di Sri Lanka dan Afrika Selatan. Dalam hal ini, jikalau kita tidak berhati-hati, situasi ini juga boleh berlaku dalam negara kita apabila masyarakat tidak berupaya berbahasa Melayu.

Saya berpandangan bahawa penggunaan bahasa Melayu perlu diperkuat, terutamanya dalam bidang ilmu dan komersial. Jikalau bahasa Melayu itu mempunyai nilai-nilai ekonomi yang terus diperkuat, saya fikir banyak orang akan mahir berbahasa Melayu. Oleh sebab itu, banyak usaha yang dilakukan, seperti pertandingan yang berkaitan dengan bahasa Melayu, perlu digalakkan penganjurannya bermula dari peringkat bawah, iaitu dalam kalangan murid tadika, sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi. Galakan ini perlu diberikan bukan sahaja dalam kalangan pelajar Melayu, bahkan kaum-kaum yang lain.

Bahasa Melayu mempunyai 300 juta penutur di seluruh dunia. Sudah tentunya bahasa Melayu dapat diperkuat pada peringkat antarabangsa, dan usaha tersebut seharusnya bermula dari negara kita. Saya difahamkan terdapat universiti di China yang mengajar subjek Bahasa Melayu, jadi kita sepatutnya mempunyai usaha untuk mewujudkan pengajian bahasa Melayu di serata dunia. Di Australia misalnya, saya tertarik dengan siaran radio di Perth yang mempunyai slot tajaan untuk bahasa Melayu. Selain itu, siaran radio antarabangsa di London turut mempunyai slot tajaan untuk bahasa Melayu. Dalam hal ini, jika kita dapat mengumpulkan penaja untuk slot tersebut, saya fikir bahasa Melayu dapat berkembang dengan

pesat di dunia, sehingga menjadi bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam hal ini, asasnya mesti bermula di Malaysia kerana di sinilah bermulanya bahasa Melayu dan penggunaannya cukup kuat di negara kita.

Sewaktu saya berkunjung ke Eropah, seperti di Perancis, Denmark, dan Belgium, masyarakat mereka berkomunikasi dalam bahasa ibunda mereka walaupun dengan orang asing kerana mereka mahu menjaga bahasa mereka agar tidak hilang. Di Thailand misalnya, walaupun masyarakat mereka berbilang kaum, mereka masih berkomunikasi dalam bahasa Thai. Saya fikir, perlu ada gerakan yang lebih meluas untuk mempromosikan bahasa Melayu dengan lebih kuat, khususnya dalam sistem pendidikan negara, sosial dan ekonomi. Jadi, Dewan Bahasa dan Pustaka dapat memainkan peranan untuk mempromosikan bahasa Melayu. Bahasa Melayu sebenarnya mempunyai nilai ekonomi yang tinggi, tetapi tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Hal ini dikatakan demikian kerana kita telah menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa ekonomi, walhal bahasa Melayu itu sudah cukup kuat.

**TYT Tun merupakan Presiden Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI). Boleh TYT Tun menceritakan perkembangan DMDI pada masa ini?**

DMDI ditubuhkan pada tahun 2000 dengan hasrat untuk merapatkan lagi hubungan antara negara yang mempunyai banyak penduduk Melayu yang kebanyakannya berasal dari Malaysia dan Indonesia. Alhamdulillah, kini DMDI mempunyai 22 buah negara anggota yang sama-sama berusaha mengangkat DMDI dan

kerap berjumpa melalui pelbagai aktiviti, seperti konvensyen, program sosial dan kebudayaan, serta pendidikan. Antara hal yang dibincangkan dalam setiap pertemuan termasuklah hal-hal belia, wanita dan ekonomi serantau. Selain Melaka sebagai pusat pentadbiran sekretariat, DMDI juga memiliki pejabat dan galeri di serata Asia Tenggara bagi membantu program kebajikan, seperti program anak angkat, membantu mangsa bencana, membantu pusat tahfiz al-Quran, rumah amal, menganjurkan pertandingan al-Quran secara tahunan, dan menganjurkan festival kebudayaan pada setiap tahun. Walaupun dunia diserang pandemik COVID-19, DMDI masih

perniagaan secara maya. Pasar raya yang dimiliki oleh DMDI, dikenali sebagai *DM Mart*, kini dalam proses pengubahsuaian di Kota Cemerlang, Melaka. Harapan saya agar kedai runcit *DM Mart* ini dapat berkembang di seluruh dunia. Kini, *DM Mart* bercadang untuk membuka empat cawangan baharu di Melaka dan diharapkan dapat diperluaskan lagi di kawasan luar Melaka, seterusnya berkembang di 22 buah negara anggota DMDI menjelang tahun 2030. Usaha ini bertujuan untuk memperluaskan rangkaian DMDI bukan sahaja dari segi jumlah ahli, bahkan rangkaian perniagaan di seluruh dunia.

Melalui aktiviti ekonomi seperti ini, saya fikir segala

bagi menampung perbelanjaan kegiatan yang dijalankan. Masa depan dunia dalam bidang ekonomi dan keusahawanan semakin besar, terutamanya dalam dunia digital. Dalam hal ini, sekiranya DMDI tidak mengambil peluang ini, maka akan ketinggalan dan rugi. Oleh sebab itu, tahun 2020-2021 merupakan tahun keusahawanan DMDI dalam bidang ekonomi, di samping meneruskan aktiviti kebudayaan dan persaudaraan, bahasa Melayu, sosial, dakwah Islamiah, hal-hal wanita dan belia, isu-isu antarabangsa, seperti isu jerebu, Rohingya dan sebagainya.


Di Malaysia, sebanyak tiga kali konvensyen telah dianjurkan untuk membincangkan isu-isu tersebut dan dibentangkan dalam persidangan

**“Di Thailand misalnya, walaupun masyarakat mereka berbilang kaum, mereka masih berkomunikasi dalam bahasa Thai. Saya fikir, perlu ada gerakan yang lebih meluas untuk mempromosikan bahasa Melayu dengan lebih kuat, khususnya dalam sistem pendidikan negara, sosial dan ekonomi. Jadi, Dewan Bahasa dan Pustaka dapat memainkan peranan untuk mempromosikan bahasa Melayu.**

- Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia  
(Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam

aktif dan banyak berkomunikasi dengan negara anggota melalui panggilan video secara dalam talian. Tahun 2020-2021 merupakan tahun usahawan bagi DMDI dan kami memfokuskan perniagaan secara dalam talian dalam kalangan negara anggota. Tahun ini juga menyaksikan pasaran perniagaan secara maya berkembang dengan pesat dan DMDI sedang membuka

kegiatan yang dirancang oleh DMDI akan bertambah lancar dan rancak kerana dapat menjana ekonomi sendiri. Di samping menganjurkan festival kebudayaan, pertandingan debat bahasa Melayu, pertandingan pantun dan sebagainya, DMDI juga memerlukan perancangan keusahawanan



yang melibatkan negara anggota dan berbincang dalam semangat persaudaraan. DMDI turut mempunyai wakil dalam kalangan gabenor dan pegawai di Indonesia, menteri di Sri Lanka, Kemboja, Filipina, Thailand, dan Bosnia. Hubungan sesama ahli dalam DMDI sememangnya kuat.

**Seperti yang kita tahu, taburan masyarakat Melayu dan Islam sangat luas dan besar di seluruh dunia. Sudah semestinya cabaran utama dalam dunia Melayu dan Islam adalah untuk bersatu padu. Pada pandangan TYT Tun, bagaimanakah DMDI dapat memainkan peranan untuk mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Melayu dan Islam?**

Kita dapat menyatupadukan masyarakat Melayu dan Islam menerusi DMDI yang ditubuhkan di negara masing-masing. Mereka dapat berhubung secara kerap dengan sekretariat di negara masing-masing dan berbincang apa-apa sahaja tentang permasalahan yang mereka hadapi. Bahasa Melayu merupakan antara elemen penting untuk masyarakat Melayu bersatu padu. Di Afrika Selatan misalnya, DMDI pernah menghantar guru bahasa Melayu ke sana untuk mengajar bahasa Melayu, tetapi gagal. Hal ini disebabkan oleh masyarakat Melayu di sana menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan mereka. Oleh sebab itu, saya berpendapat bahawa kita perlu mengambil beberapa pelajar dari Afrika Selatan misalnya, sebagai anak angkat untuk menyambung pengajian di Malaysia supaya mereka dapat mempelajari bahasa Melayu di sini.

Program anak angkat ini pernah dilaksanakan di Sri Lanka yang

mengambil 10 orang anak angkat setahun tajaan DMDI untuk belajar di Kolej Universiti Islam Melaka. Mereka ditawarkan pengajian dalam pelbagai bidang, seperti komunikasi dan syariaah, di samping mempelajari bahasa Melayu. Program itu berjalan selama tiga tahun dan mereka berjaya mendapatkan pekerjaan di negara asal dan juga Eropah. Keadaan itu secara tidak langsung dapat menambah bilangan penutur bahasa Melayu kerana apabila bekerja di sana, mereka berupaya mengajar bahasa Melayu kepada masyarakat.

Melalui sistem anak angkat ini, kita berupaya menambah bilangan penutur bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa melalui pendidikan. Negara yang menjadi fokus program ini ialah Sri Lanka, Afrika Selatan, Filipina dan negara yang semakin kurang penutur bahasa Melayu. Saya lihat program seperti ini merupakan ruang besar yang dapat dilakukan dalam DMDI. Seperti mana di Perth, stesen radio di sana memainkan slot tajaan bahasa Melayu hanya seminggu sekali dalam masa sejam. Jumlah tajaan untuk slot tersebut sebanyak 200 Dolar Australia. Jika kita dapat menarik banyak tajaan, kita dapat meningkatkan slot bahasa Melayu secara kerap di sana. Hal ini merupakan satu daripada usaha untuk mempromosikan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.

Jadi, DMDI mempunyai kekuatan dan kelebihan untuk memperkuat bahasa Melayu. Saya berharap agar pihak yang berminat dalam usaha memperkuat bahasa Melayu ini dapat tampil dan berjumpa dengan sekretariat DMDI di Melaka. Insha-Allah, melalui usaha ini, kita dapat mengeratkan hubungan

persaudaraan dan perpaduan masyarakat Melayu pada peringkat antarabangsa.

**Pada tahun ini DMDI memasuki tahun ke-20 penubuhannya sejak tahun 2000. Bagaimanakah TYT Tun dapat menyifatkan penerimaan masyarakat di seluruh dunia tentang usaha DMDI ini?**

Setakat ini sambutan yang diterima cukup baik dan semakin berkembang kerana kita sudah pun melantik pengerusi DMDI Indonesia, Gabenor Sumatera Selatan, Bapak H. Herman Deru. Dahulu, DMDI hanya berdasarkan provinsi, namun kini sudah ditubuhkan pada peringkat negara. Di Indonesia misalnya, penerimaannya sangat baik dan tiada masalah kerana kegiatan yang dijalankan cukup aktif. Bahkan, masyarakat di sana dapat dikatakan 100 peratus berupaya bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik.

Walau bagaimanapun, DMDI kini sedang mencari jalan dan berusaha untuk menguatkan kegiatan ekonomi. Dari segi dakwah Islamiah, tiada masalah di Indonesia kerana para agamawan cukup banyak di sana. Saya fikir kegiatan ekonomi merupakan suatu perkara yang amat baik yang dapat dilakukan dengan meluas di Indonesia. Dari segi pandangan agama, setiap ahli berpegang dengan pegangan Ahli Sunah Waljamaah, maka itu tidak menimbulkan sebarang permasalahan.

**Sempena dengan penobatan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020, boleh TYT Tun kongsikan amalan pembacaan TYT Tun selama ini?**

Saya sememangnya banyak membeli buku. Jikalau pergi ke mana-mana, saya gemar memasuki kedai buku, termasuklah di lapangan terbang.

Jikalau masa tidak mengizinkan, saya membaca rumusan kata pengantar buku untuk mengetahui inti pati utama buku tersebut. Pada kebiasaannya, saya akan melihat subtajuk lebih dahulu sebelum membaca sesuatu buku. Saya banyak membeli buku berkaitan dengan hal pengurusan, pentadbiran, dan juga cerita-cerita Melayu, seperti Kesultanan Melayu. Malah, DMDI turut mempunyai galeri yang mengumpulkan buku tentang dunia Melayu.

Di samping itu, saya juga meminati buku sejarah ketamadunan empayar besar terdahulu untuk mengetahui kisah kegemilangan dan kemerosotan mereka. Sebenarnya cukup menarik apabila kita membaca sejarah lama. Sejarah Melaka misalnya, bermulanya pada era kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, seterusnya jatuh ke tangan penjajah selama ratusan tahun, kemudiannya mendapat kemerdekaan. Dahulu, Melaka dijajah melebihi 400 tahun lamanya. Kini, walaupun kita sudah merdeka selama 63 tahun, jika dibandingkan dengan tempoh dijajah, masih jauh lagi perjalanan kita.

Oleh hal yang demikian, banyak sejarah empayar terdahulu yang menarik untuk dibaca dan dijadikan sebagai pengajaran. DMDI dapat menjadi wadah untuk mempelajari sejarah lama dan membina hubungan persaudaraan walaupun berlainan bangsa. DMDI turut melibatkan penyertaan penganut agama lain atas nama keamanan dan perpaduan.

**Dalam hal ini, apakah pesanan TYT Tun kepada generasi muda untuk bersama-sama menghayati erti kemerdekaan dan menghargai kemakmuran yang dikecap selama ini?**

Saya berpendapat kita sewajarnya menguatkan kefahaman masyarakat tentang Rukun Negara. Malaysia pernah melalui zaman gelap, iaitu pada tahun 1969 dan hasil daripada peristiwa itu, Rukun Negara ditubuhkan. Jikalau setiap rakyat Malaysia berpegang pada Rukun Negara, Insyallah negara kita akan kekal aman. Kita seharusnya berpegang kepada konsep Rukun Negara tanpa kompromi, walaupun berlainan bangsa dan agama, atau ideologi yang berbeza. Rukun Negara merupakan asas utama bagi rakyat Malaysia.

Dalam kehidupan harian kita misalnya, apabila mempunyai masalah di luar, pastinya kita akan pulang ke rumah untuk menceritakan masalah kepada ibu bapa. Walau apa-apa pun terjadi, pastinya kita rujuk dan pulang semula ke rumah, dan bukannya lari dari rumah. Sama seperti Rukun Negara, setiap permasalahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat, rujuklah semula Rukun Negara. Setiap rakyat Malaysia seharusnya memiliki semangat itu. Berpegang pada Rukun Negara, insya-Allah, setiap masalah akan menemui jalan penyelesaian.

Atas dasar itu, tahun ini kita menganjurkan Pertandingan Pidato Rukun Negara Piala Pusingan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka di Melaka pada peringkat universiti, sekolah menengah dan orang awam pada 8 hingga 9 September 2020. Mudah-mudahan, melalui program seperti ini, setiap rakyat Malaysia, khususnya rakyat Melaka, berpegang teguh dengan Rukun Negara, seterusnya negara sentiasa aman dan makmur. Saya mengucapkan tahniah kepada para pengamal media yang sudah mula

menonjolkan kepentingan Rukun Negara kepada masyarakat. Bahkan, Yang di-Pertuan Agong turut bertitah tentang betapa pentingnya Rukun Negara dalam kehidupan rakyat Malaysia.

### **Apakah harapan dan saranan TYT Tun untuk rakyat Melaka secara keseluruhannya?**

Saya berharap agar rakyat Melaka akan bersama-sama membantu mengekalkan keamanan dan membangunkan negeri Melaka, selari dengan prinsip Rukun Negara dan hasrat Kerajaan Negeri; Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia. Pada masa yang sama, marilah kita bersama-sama memberikan sumbangan dengan menjadikan Melaka sebagai negeri yang terbaik kerana kita merupakan sebuah empayar besar dahulunya. Kini, Melaka telah pun diiktiraf sebagai Bandaraya Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Seperti kita tahu, sejarah Malaysia bermula di Melaka, maka hal-hal yang baik juga bermula dari Melaka. Jikalau kita tidak menjadi yang terbaik, maka seganlah kita sebagai rakyat Melaka. Itulah harapan saya terhadap rakyat Melaka supaya dapat mengangkat kembali kedudukan Melaka sebagai negeri bersejarah. Banyak kisah hebat yang berlaku di Melaka, jadi rakyat Melaka perlulah bersemangat untuk menjadikan Melaka sebagai negeri yang terbaik kerana kita ini sebuah empayar yang besar pada dahulunya dan sekarang telah ditabalkan sebagai Bandaraya Warisan Dunia oleh UNESCO. Rakyat Melaka perlu menjadi contoh terbaik bagi negara kita, Malaysia. **DB**